



ABDULLAH Ahmad Badawi dipakaikan kalungan pingat Anugerah Warga Kehormat Bandaraya Seoul oleh Datuk Bandar, Lee Myung-bak (kanan) di Bangunan Kerajaan Metropolitan Seoul, Korea Selatan, semalam. — Gambar AP

Abdullah terima Anugerah Warga Kehormat Bandaraya Seoul

SEOUL 24 Ogos - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Korea Selatan hari ini, dengan penuh bermakna apabila menerima Anugerah Warga Kehormat Bandaraya Seoul.

Anugerah itu disampaikan oleh Datuk Bandar, Lee Myung-bak pada upacara ringkas di Bangunan Kerajaan Metropolitan Seoul, sebelum Perdana Menteri berlepas pulang dari Pangkalan Udara Seongnam pada pukul 4 petang waktu tempatan (5 petang waktu Malaysia).

Dalam ucapannya pada majlis itu, Perdana Menteri merasa terharu atas penghormatan

yang diberikan kepadanya oleh Seoul yang disifatkan oleh beliau sebagai bandar ajaib kerana menempatkan pusat pentadbiran kerajaan selama 600 tahun. Ia telah melalui proses pembangunan fizikal yang pesat, penghijrahan dari luar bandar ke bandar, proses urbanisasi dan tekanan populasi.

"Seoul juga gagah berdiri menghadapi perang, menjadi simbol semangat dan keazaman rakyat Korea untuk melindungi, mempertahankan dan memperkayakan budaya dan cara hidupnya," kata Perdana Menteri

Sebagai bandar yang menempatkan hampir suku daripada penduduk Korea Selatan yang

berjumlah 48 juta orang di atas kawasan yang tidak sampai satu peratus daripada keseluruhan keluasan negara itu, Abdullah kagum kerana proses pertumbuhan yang pesat berlaku tidak menjejaskan nilai warisan sejarah sebagai mercu tanda penting bandar itu.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berharap Seoul dan Kuala Lumpur akan menjalin hubungan lebih erat khususnya dalam menarik lebih ramai pelancong dari Korea Selatan ke Malaysia.

Menurutnya, Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Micheal Toyad akan datang lagi ke Seoul pada Oktober ini untuk menjalankan tugas mempromosikan

Malaysia sebagai destinasi pelancongan kepada penduduk Korea Selatan.

Sementara itu, Myung-bak dalam ucapannya berkata, walaupun ini merupakan lawatan rasmi pertama Abdullah sebagai Perdana Menteri, beliau sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan Seoul kerana telah banyak kali ke bandar raya itu khususnya semasa menjadi Menteri Luar.

Abdullah sendiri mengenali rapat Myung-bak memandangkan Datuk Bandar Seoul itu pernah bekerja dengan sektor swasta, terlibat secara langsung dalam pembinaan jambatan Pulau Pinang. — *Utusan*